

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kes-kes yang melibatkan keselamatan mahasiswa dan mahasiswi di kampus serta pengkategorian berdasarkan negeri dan jenis universiti sama ada universiti awam dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dan sentiasa mengambil berat terhadap isu keselamatan dan kesejahteraan mahasiswa dengan mengamalkan prinsip 'zero tolerance' terhadap faktor-faktor yang boleh menggugat atau menjejaskan keselamatan mahasiswa di kampus.

Sepanjang tahun 2020 dan sehingga September 2021, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sejumlah **55 kes jenayah kekerasan** telah berlaku di IPT melibatkan mahasiswa dan mahasiswi di kampus. Manakala bagi **kes jenayah harta benda pula sebanyak 241 kes direkodkan** masing-masing 154 kes pada tahun 2020 dan 87 kes pada tahun 2021. Kes-kes tangkapan oleh PDRM melibatkan pelajar IPT paling banyak berlaku di negeri Selangor bagi tahun 2020 dan 2021 dengan 17 rekod tangkapan melibatkan jenayah kekerasan dan 25 rekod tangkapan bagi jenayah harta benda pada tahun 2020; dan 23 rekod tangkapan melibatkan jenayah kekerasan serta 12 rekod tangkapan bagi jenayah harta benda pada tahun 2021.

Kes tangkapan oleh PDRM melibatkan pelajar IPT paling sedikit berlaku di negeri Perlis pada tahun 2020 dengan hanya dua (2) kes jenayah harta benda dilaporkan. Manakala bagi tahun 2021 pula, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis dan Sabah tidak mencatatkan sebarang kes tangkapan pelajar IPT oleh PDRM bagi jenayah kekerasan dan harta benda.

Sebagai langkah memastikan keselamatan pelajar IPT terjamin, Unit Keselamatan di setiap IPT berperanan untuk menjalankan tugas-tugas rondaan dan pemantauan secara berkala; penguatkuasaan arahan keselamatan; pemakluman langkah berjaga-jaga; membuat hebahan aktiviti berkaitan keselamatan kepada mahasiswa dari semasa ke semasa; dan menjadi pusat rujukan kepada pelajar berhubung isu keselamatan mereka.

Sekian, terima kasih.